

Kesedaran Cukai

Pentingnya Pembayar Cukai Melaporkan Pendapatan dan Membayar Cukai

Tahukah anda bahawa setiap sen cukai yang anda bayar menyumbang kepada pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan awam?

Melapor pendapatan dan membayar cukai bukan sekadar kewajipan tetapi juga tanggungjawab sosial yang tidak boleh diabaikan.

Kenapakah Cukai Perlu Dibayar?

Hasil daripada cukai yang dikutip akan digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir negara dan menyokong perbelanjaan pembangunan. Daripada memastikan keselamatan rakyat hingga membangunkan infrastruktur seperti jalan raya, hospital dan sekolah, cukai memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Implikasi Akibat Kegagalan Melapor dan Membayar Cukai

Melaporkan dengan betul dan membayar cukai tepat pada masanya membantu mengelakkan masalah yang lebih besar di kemudian hari. Kegagalan untuk melaporkan cukai dengan betul atau membayar tunggakan cukai dalam tempoh masa yang dibenarkan boleh menyebabkan penalti yang berat, termasuklah tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap pembayar cukai.

Sistem Aduan e-Pelarian Cukai untuk Kurangkan Ketirisan

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) turut menekankan komitmen untuk memperkukuh aktiviti pematuhan pada tahun 2025. Tema "Rise Beyond Limits" diperkenalkan bagi mendorong pegawai HASiL mencapai sasaran yang telah ditetapkan demi pembangunan negara yang berterusan.

Tumpuan akan diberikan kepada isu ketirisan cukai membabitkan individu yang mempunyai aset dan kekayaan yang tidak setimpal dengan pelaporan cukai serta pendapatan dari Malaysia yang disimpan di dalam akaun luar negara yang belum dilaporkan.

HASiL sentiasa menjalankan aktiviti pematuhan cukai berteraskan konsep *Awareness, Education and Services* (AES). Aktiviti pematuhan ini adalah berdasarkan tahap penilaian risiko yang bersesuaian berasaskan maklumat daripada pelbagai sumber termasuklah orang awam.

Bagi meningkatkan pematuhan cukai, HASiL telah melancarkan sistem aduan secara dalam talian pada 1 Januari 2023 yang dikenali sebagai e-Pelarian Cukai (e-PC). Sistem ini boleh diakses oleh orang awam menerusi <https://epelariancukai.hasil.gov.my/>

Sistem ini ialah platform yang boleh digunakan oleh orang awam untuk membuat aduan berkenaan dengan pelarian cukai terhadap individu atau syarikat yang melakukan kesalahan pelarian cukai.

Daripada sumber aduan ini, HASiL akan memulakan siasatan dan tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian bagi mengutip semula amaun cukai yang tiris sekali gus memberikan keadilan kepada pembayar cukai yang patuh.

Bagi memantapkan usaha ini, Seksyen Ekonomi Digital dan Behavioral Insights (SEDBI) ditubuhkan untuk memantau aktiviti pengengaruh dan usahawan digital. SEDBI bertugas melaksanakan aktiviti *nudging* bagi memastikan pematuhan cukai dalam kalangan individu dan perniagaan digital. Seksyen ini menjalankan dua fungsi utama, iaitu pengoperasian aktiviti cukai dan melaksanakan aktiviti *nudging*.

HASiL turut menjalankan **pemantauan aktif** menerusi **media sosial** untuk mengenal pasti **individu atau perniagaan digital** yang **mempamerkan kekayaan tetapi tidak melaporkan cukai dengan jujur**.

Langkah-langkah untuk Meningkatkan Kesedaran

Tidak dinafikan bahawa masih terdapat masyarakat dan pembayar cukai yang melihat HASiL sebagai entiti yang ditakuti, sekali gus membantutkan usaha mewujudkan persekitaran pematuhan yang maksimum.

Oleh itu, strategi HASiL akan memberikan tumpuan kepada kategori atau tingkah laku pembayar cukai merangkumi:

1 Pembayar cukai dengan prestasi cemerlang dalam pelaporan dan pembayaran cukai.

2 Pembayar cukai yang mempunyai risiko pengelakan cukai.

3 Pembayar cukai atau syarikat yang mempunyai kes-kes ekonomi bayangan.

4 Pembayar cukai atau syarikat dengan transaksi rentas sempadan.

5 Institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah Seksyen 44(6).

“Antara langkah aktif yang turut diambil dalam usaha meningkatkan kesedaran cukai termasuklah **memanfaatkan komunikasi digital** seperti **Facebook, X, Instagram, YouTube dan TikTok**. Platform ini lebih berkesan malah dilihat lebih mesra dalam mendekati pembayar cukai. HASiL juga **bekerjasama dengan pemimpin** yang dilantik sebagai Rakan Strategik HASiL (RASH) untuk menyampaikan mesej Percukaian kepada pengikutnya.”

Di samping itu, HASiL juga berusaha untuk menyediakan dan menambah baik Portal Rasmi HASiL yang berfungsi sebagai sumber maklumat lengkap Percukaian. HASiL sentiasa menyediakan panduan terperinci, soalan lazim (FAQ) dan video penerangan yang memudahkan pembayar cukai memahami pelbagai aspek Percukaian. Akses mudah ini memastikan maklumat sentiasa tersedia dan dapat diperoleh dengan cepat. Antaranya, Eduzone melalui Portal Rasmi HASiL memberikan capaian mudah topik kesedaran dan pendidikan cukai dalam pelbagai format seperti artikel, infografik, slaid dan video.

HASiL juga menganjurkan pelbagai program pendidikan cukai, termasuklah seminar dan bengkel bagi individu dan pemilik perniagaan. Antara program pendidikan cukai yang dilaksanakan ialah Program Business Entrepreneur Support and Training (BEST), Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK), Taklimat Klik HASiL dan sebagainya, yang memberikan pendidikan Percukaian khusus kepada orang awam dan memfokuskan pembentangan isu terkini dan perubahan akta di bawah kendalian HASiL.

Pelbagai program kolaboratif bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui program HASiL Your Tax Buddy (HYTB), Program Sahabat HASiL (PSH) dan PSH@Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM) turut dianjurkan untuk membentuk generasi muda yang celik cukai, terutamanya dalam kalangan mahasiswa.

Peranan Pembayar Cukai dalam Pembangunan Negara

Pembayar cukai memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Kaitannya jelas apabila rakyat memenuhi tanggungjawab cukai mereka, kerajaan akan mempunyai sumber yang mencukupi untuk melaksanakan inisiatif yang akan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Mari bersama-sama memastikan pembangunan negara yang berterusan dengan memenuhi tanggungjawab kita sebagai pembayar cukai. Layari <https://www.hasil.gov.my/> untuk maklumat lanjut.



SUMBER: POSTER HASiL